

KENYATAAN TAWARAN

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi melaksanakan perkhidmatan tersebut di bawah.
2. Maklumat sebut harga serta kelayakan asas kontraktor adalah seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	PERKARA	KOD BIDANG	TARIKH IKLAN	TEMPAT DAN TARIKH PENGAMBILAN BORANG SEBUT HARGA (LAMPIRAN Q)	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
CAAM/HQ/400-10/2/14	PERKHIDMATAN PENYEWAAN SATU (1) UNIT KENDERAAN RASMI JAWATAN BAGI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA	221503 Perkhidmatan-Penyewaan dan Pengurusan-Kenderaan/Jentera/Kenderaan Rekreasi	18 Julai 2018 (Rabu)	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 3, Blok Podium A, Presint 4, 62618 Putrajaya Tarikh: 19 Julai 2018 (Khamis) & 20 Julai 2018 (Jumaat) sahaja Masa: 8.00 Pagi – 12.30 Tengah hari 2.30 Petang – 4.00 Petang	25 Julai 2018 (Rabu) Sebelum atau pada Jam 12.00 tengahari di Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 3, Blok Podium A, Presint 4, 62618 Putrajaya

3. Borang Sebut Harga (Lampiran Q) hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan mengikut kod bidang yang ditetapkan.
 - b. Membawa dokumen asal Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera yang sah tempoh lakunya beserta satu salinan.
4. **KEGAGALAN** kontraktor mendapatkan Borang Sebut Harga (Lampiran Q) berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan di atas akan menyebabkan tawaran sebut harga **TIDAK DIPERTIMBANGKAN** dan **DITOLAK**.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis nombor sebut harga serta tajuk sebut harga di bahagian atas sebelah kiri ke alamat seperti di atas.
6. Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
7. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan penghantaran melalui perkhidmatan segera Pos Laju tidak digalakkan.
8. Dokumen sebut harga ini boleh diakses menerusi laman web Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) <http://www.dca.gov.my>.